




# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI SELASA: 19 OGOS 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 5, 11 HINGGA 35)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4, DAN  
6 HINGGA 10**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TAN AH ENG

TARIKH : 19 OGOS 2008

**SOALAN:**

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah untuk memastikan keselamatan dan kedaulatan kepulauan khasnya di kawasan Nusajaya.**

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan pulau-pulau dan entiti geografi yang berada dalam perairan Malaysia. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan rondaan/penguatkuasaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).
2. Menguatkuasakan undang-undang negara di kawasan tersebut
3. Melaksanakan tindakan-tindakan seperti:
  - Menggazetkan semua pulau-pulau yang terdapat dalam perairan negara;
  - Merekodkan semua rondaan yang dilaksanakan; dan
  - Mendakwa dan menghukum mereka yang terlibat dalam kes pencerobohan dan melakukan kesalahan-kesalahan mengikut perundangan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN**  
**(TANJONG MANIS)**  
**TARIKH : 19.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan projek video conferencing (dengan izin) bagi sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak yang kekurangan guru-guru; dan
- (b) jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

**JAWAPAN**

**(a) dan (b)**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya bercadang untuk melaksanakan projek *Video Conferencing* bagi sekolah-sekolah luar bandar di bawah Projek Berimpak Tinggi bagi merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar. **Satu kajian telah dijalankan** terhadap pelaksanaan *Remote Teaching Video Conferencing* (RTVC) yang melibatkan Institut Perguruan Miri, Sarawak (sebagai *host*) dan 2 buah sekolah di Mukah (sebagai *remote*) iaitu SK Datu Pengiran Mohamad Oya, Mukah dan SK Datuk Awang Udin, Mukah.

Secara umumnya dapatan kajian mendapati konsep dan *pendekatan video conferencing* bagi sekolah-sekolah luar bandar didapati sesuai dilaksanakan. Namun, pelaksanaan sepenuhnya projek ini adalah bergantung kepada kemampuan kewangan KPM.

Rjm 2

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : . TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.08.2008**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana penguatkuasaan Cukai Durian Runtuh (*Windfall Tax*) ke atas Penjana Kuasa Bebas (*Independent Power Producers*) boleh menjejaskan pasaran bon seperti yang disebut-sebutkan oleh segelintir saudagar bank dan pihak Penjana Bebas.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya implikasi penguatkuasaan levi keuntungan luar biasa ke atas penjana tenaga bebas (IPP) dan seterusnya ke atas pasaran bon adalah tidak ketara. Pengenaan levi keuntungan luar biasa ini tidak akan menyebabkan kerugian kepada IPP mahupun kegagalan IPP untuk membayar obligasi faedah bon masing-masing. Berdasarkan jumlah levi yang dikenakan, IPP tetap memperoleh keuntungan yang mencukupi bagi memenuhi obligasi pinjamannya termasuk pinjaman yang melibatkan terbitan bon.

□ PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

**ITARIKH: 19 OGOS 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah Kerajaan mewujudkan program tertentu untuk menarik tenaga kerja tempatan terutamanya di kalangan para belia yang bekerja di ladang-ladang atau di premis pekerjaan lainnya, bagi menggantikan tenaga pekerja asing.**

**PR-1213-L15338**

**Jawapan**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan menghargai sumbangan pekerja ladang kepada pembangunan ekonomi negara. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah merangka pelbagai program untuk menjadikan sektor perladangan sebagai tempat yang menarik untuk bekerja dan menduduki. KSM telah berusaha untuk meningkatkan prasarana dan infrastruktur seperti kemudahan perumahan pekerja ladang, bekalan air dan elektrik, klinik / hospital ladang, pusat asuhan kanak-kanak (PAKK), dewan komuniti serta kemudahan beribadat dan rekreasi dan tanah untuk pekerja bercucuk tanam sebagai langkah-langkah menarik pekerja tempatan bekerja di ladang.

Bagi mencapai matlamat ini, KSM telah mengadakan perbincangan dengan majikan ladang pada 16 Mei 2008 dan 13 Jun 2008 berkaitan penyediaan kemudahan PAKK di ladang-ladang. Di samping itu, perbincangan juga telah diadakan pada 22 Mei 2008 dan pada 14 Julai 2008 untuk meningkatkan kadar gaji dan kemudahan di ladang. Selain itu, KSM juga

telah mengadakan Mesyuarat Kebajikan Pekerja Ladang Peringkat Kebangsaan pada 23 Jun 2008 dengan majikan-majikan ladang dan agensi-agensi Kerajaan berhubung kewajipan ladang untuk menyediakan dan meningkatkan kemudahan asas kepada pekerja ladang.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini juga menggalakan majikan ladang melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja Ladang (SPRL) sebagai langkah untuk menarik pekerja tempatan terus bekerja di ladang. Melalui skim ini, majikan ladang akan menyediakan rumah dan menjual kepada pekerja ladang dengan harga berpatutan. Majikan ladang juga digalakkan memperuntukkan sebahagian tanah ladang untuk dibangunkan dengan projek perumahan dan keutamaan pemilikan rumah tersebut diberi kepada pekerja ladang agar mereka terus kekal bekerja.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9, usaha-usaha membantu pendidikan anak-anak pekerja ladang diteruskan, KSM telah memperuntukkan dana sebanyak RM4.45 juta melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk tujuan membekal, menghantar dan memasang peralatan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) di ladang-ladang di Semenanjung Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan prasarana bagi penjagaan anak-anak pekerja dengan mewujudkan PAKK yang kondusif dan memastikan anak-anak pekerja ladang sentiasa mendapat penjagaan yang sempurna. Dengan adanya kemudahan ini, diharapkan para pekerja tempatan yang berminat bekerja di ladang dan mereka tidak akan menghadapi masalah penjagaan anak-anak apabila mereka berkeluarga keluar bekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping itu, beberapa jenis pekerjaan di sektor perladangan seperti pemandu dan penyelia yang akan dikhaskan untuk pekerjaan tempatan. KSM akan membantu pekerja ini dengan menyediakan latihan kemahiran yang diperlukan. Bagi menarik pekerja tempatan bekerja di ladang, KSM telah mengadakan promosi mengenai pekerjaan di sektor perladangan melalui program Karnival Pekerjaan yang diadakan di setiap negeri dan daerah serta pengiklanan melalui televisyen dengan menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada warga tempatan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH  
(IGAN)**

**TARIKH : 19.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH [ IGAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status cadangan menggantikan bangunan baru SMK Matu, daerah Matu, bahagian Mukah di mana peruntukan telah disenaraikan dalam RMK- 8.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan untuk membina SMK Matu, Mukah yang baru tidak terdapat dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9). Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang berhasrat untuk memasukkan projek berkenaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 memandangkan tapak baru seluas 23 hektar untuk mengganti tapak sekolah yang sedia ada telahpun diperolehi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]

TARIKH : 19 OGOS 2008

**SOALAN:**

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) benarkah Kerajaan masih mempertahankan hak-hak yang terkandung dalam artikel 153 Perlembagaan Persekutuan setelah 50 tahun negara Merdeka; dan
- (b) jika benar, sila nyatakan adakah hak-hak itu sekarang masih dinikmati dan terus diperkasakan serta apakah jaminan ianya akan terus dipertahankan pada masa akan datang.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin menegaskan bahawa hak-hak yang terkandung dalam Artikel 153 dalam Perlembagaan Persekutuan, yang menetapkan hak-hak bagi golongan Melayu dan Bumiputera, adalah salah satu prinsip utama yang mendasari kontrak sosial yang telah membawa kepada kemerdekaan dan perpaduan yang kita nikmati sehingga ke hari ini.

Saya juga ingin menekankan bahawa hak-hak tersebut masih mendasari pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, dan akan terus dinikmati dan dipertahankan dalam masa yang akan datang, tanpa mengabaikan hak-hak asasi yang telah dijamin buat semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, yang turut dipersetujui dalam kontrak sosial yang kemudiannya dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH  
[ GUA MUSANG ]**

**TARIKH : 19 Ogos 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab yang kuat menyebabkan PETRONAS tidak sanggup membina loji LNG di Sabah sehinggakan bercadang memungghah gas asli dari Sabah untuk loji LNG di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Jumlah rizab gas di luar pantai Sabah pada 1 Januari 2008 adalah sebanyak 12.7 trilion kaki padu (tscf) atau kira-kira 14.4% daripada jumlah rizab gas negara. Rizab ini adalah kecil berbanding rizab gas di luar pantai Sarawak iaitu kira-kira 41.8 tscf (47.5%) dan Semenanjung kira-kira 33.5 tscf (35.8%). Selain itu, medan-medan gas di luar pantai Sabah adalah kecil dan berselerak, tidak seperti medan-medan gas di luar pantai Semenanjung dan Sarawak. Oleh yang demikian, pembangunan rizab gas di luar pantai Sabah perlu dilaksanakan secara berkelompok dan ia dijangka melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

Bagi membina sesebuah loji gas asli cecair (*liquefied natural gas* - LNG) pelaburan yang besar adalah diperlukan, lebih-lebih lagi dalam persekitaran kos bahan binaan yang telah meningkat tinggi pada masa ini. Daya maju sesebuah projek LNG bergantung antara lain kepada saiz medan serta rizab gas yang ada serta jaminan dan *reliability* pembekalan untuk tempoh yang panjang yang mana pembekal dan pembeli LNG saling meletakkan kebergantungan masing-masing melalui kontak jangka panjang.

Memandangkan bahawa rizab gas di luar pantai Sabah adalah kecil serta kos pembinaan loji serta infrastruktur-infrastruktur sokongan berkaitan yang terlalu tinggi, pembangunan projek LNG di Sabah adalah tidak berdaya maju. Dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, adalah lebih *economical* untuk menyalurkan gas ke Komplek LNG PETRONAS yang sedia ada di Bintulu yang pada masa ini masih berupaya menampung pengeluaran tambahan sebanyak 3.5 hingga 4 juta metrik tan LNG setahun daripada membangunkan loji LNG baru di negeri Sabah. Walaupun begitu, keperluan gas untuk kegunaan sektor perindustrian dan elektrik di Sabah sentiasa akan diberikan keutamaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 19 Ogos 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa, mengapakah Petronas memilih untuk mengadakan seminar di Afrika Selatan pada bulan Julai 2008 untuk eksekutif-eksekutifnya dengan penerbangan kelas pertama, dan kemudian mengapakah seminar tersebut dibatalkan dan berapakah kos perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Petronas disebabkan pembatalan tiket-tiket penerbangan dan juga tempahan bilik-bilik hotel.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *PETRONAS Group Health, Safety and Environment (HSE) Forum* adalah merupakan forum tahunan yang dianjurkan PETRONAS untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai amalan-amalan terbaik dan perkembangan terkini di dalam bidang HSE. Forum tahunan ini mula diperkenalkan 14 tahun yang lalu dan telah diadakan di pelbagai lokasi operasi PETRONAS di dalam dan di luar negara.

Pada tahun 2007, PETRONAS telah membuat keputusan untuk memilih *Engen Petroleum Limited* (Engen), anak syarikatnya yang beribu-pejabat di Cape Town, Afrika Selatan sebagai hos kepada Forum HSE untuk tahun 2008.

Walaupun bagaimanapun, setelah mengambilkira keadaan ekonomi dunia semasa serta seruan Kerajaan supaya mengambil langkah berhemah, PETRONAS telah membuat keputusan untuk mengadakan forum tersebut di Malaysia. Berikutan keputusan menukar *venue* Forum dari Afrika Selatan ke Malaysia, PETRONAS terpaksa menanggung kos sebanyak RM300,000 akibat pembatalan tiket-tiket kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Cape Town, Afrika Selatan. Tiket-tiket kapal terbang yang ditempah untuk sebahagian besar peserta-peserta yang bakal menghadiri Forum HSE 2008 tersebut adalah untuk kelas ekonomi. Walaupun bagaimanapun, pembatalan tempahan bilik-bilik hotel di Cape Town tidak melibatkan sebarang kos kepada PETRONAS. Dalam hal ini, walaupun keputusan tersebut telah menyebabkan PETRONAS menanggung sejumlah kerugian, ia masih menjimatkan berbanding dengan kos sekiranya forum berkenaan diadakan di Afrika Selatan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**

**TARIKH : 19 OGOS 2008**

**SOALAN**

**Tuan Lim Guan Eng (Bagan)** minta **Perdana Menteri** menyatakan tentang Jambatan Kedua Pulau Pinang, apakah kedudukan UEM World dan China Harbour Engineering Company Limited. Adakah satu tender terbuka akan dijalankan untuk kontrak pembinaan dan pengutipan konsesi tol serta apakah kos pembinaan dan tol yang akan dikenakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang telah distruktur semula dan sedang dalam pelaksanaan Kerajaan. Pembiayaan projek dan konsesi akan diberi kepada sebuah syarikat milik 100% Kerajaan Jambatan Kedua Pulau Pinang Sdn. Bhd. (JKSB) manakala aspek pembinaan jambatan, sebahagiannya diagihkan antara UEM Group Berhad dan China Harbour Engineering Corporation sebagai kontraktor-kontraktor utama yang dipilih melalui rundingan terus. Pada dasarnya rundingan terus masih boleh digunakan jika sesuatu projek itu memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi iaitu bagi

projek ini, dari aspek kejuruteraan marin dan kejuruteraan awam. Selain itu, pemilihan China Harbour Engineering Corporation sebagai salah satu kontraktor utama adalah kerana ia melibatkan tawaran pinjaman sebanyak USD800 juta dengan terma yang sangat kompetitif daripada China Exim Bank bagi membiayai projek ini. Aspek berhubung pengutipan tol, penyelenggaraan dan operasi jambatan berkenaan akan ditentukan kemudian, dan kemungkinan untuk menawarkannya secara tender terbuka akan dipertimbangkan.

Kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua sehingga Jun 2008 adalah sebanyak RM4,300 juta tidak termasuk peruntukan *Variation of Price* bagi bahan binaan, iaitu besi, konkrit, aggregate simen dan diesel serta *remeasurement of piling*. Rundingan sedang dilaksanakan bagi memperincikan kos sebenar projek sebelum model kewangan termasuk kadar tol lebuhraya dapat ditentukan. Seterusnya Kerajaan sedang menyediakan terma dan syarat-syarat draf perjanjian konsesi sebelum rundingan boleh dimulakan dengan JKSB.

NW: 19

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI**

**[SILAM]**

**TARIKH : 19 OGOS 2008**

**SOALAN : Meminta MENTERI**

**PELANCONGAN menyatakan:-**

Strategi pihak Kementerian untuk mewujudkan minat di kalangan pelancong asing untuk melawat kawasan luar bandar terutamanya dengan mengantarabangsakan produk-produk menarik tempatan seperti Regata Lepa-lepa Semporna, yang mula terkenal di kalangan pelancong asing yang melawat Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa berusaha dalam mempromosikan industri pelancongan di Malaysia bagi menggalak dan meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing. Selain itu ingin menjadikan industri pelancongan sebagai sumber pertumbuhan pendapatan melalui tukaran wang asing, pembangunan keusahawanan dan pewujudan pekerjaan. Pelbagai usaha juga telah giat dijalankan untuk menarik perhatian pelancong untuk mengunjungi produk-produk pelancongan di luar-luar bandar.

Usaha-usaha tersebut adalah:

- 1: Tourism Malaysia telah bekerjasama dengan agensi pelancongan bagi membangunkan pakej-pakej

pelancongan ke produk-produk luar bandar melalui program "Xcape Holidays". Antara pakej-pakej tersebut ialah "Sungai Petani Countryside Tour", "Mulu Show Caves Grandeur", "Marang River Safari dan banyak lagi.

2. Acara-acara seperti 15th Regata Lepa Semporna sempena Pesta Air, Royal Pahang Bill Fish International Challenge di Rompin, Desaru Pengerang International Triathlon dan 22nd Mount Kinabalu Climbathon telah dipromosi dan dimasukkan ke dalam kalendar acara tahunan dan diedarkan di serata dunia melalui 44 buah pejabat Tourism Malaysia luar negeri.
3. Mengadakan program lawatan suaikenal (*Familiarization Trip*) untuk pengusaha pelancongan serta wakil media asing yang bertujuan memberi

pendedahan serta publisiti yang meluas terhadap program tersebut.

4. Penerbitan serta pengedaran risalah pelancongan berbahasa Jepun, Korea dan Mandarin yang menyertakan tema homestay, melalui pejabat Tourism Malaysia di negara Jepun, Korea, China dan Taiwan serta agensi-agensi pelancongan bagi pasaran tersebut.
5. Menjalankan aktiviti promosi lain seperti menyertai pameran-pameran pelancongan, mengadakan *roadshow*, pertunjukkan serta misi-misi galakan antarabangsa terpilih di mana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk menawarkan pakej-pakej istimewa sesuatu negeri tersebut melalui kaedah perbincangan dua hala antara '*buyers and sellers*' dan menerusi '*product update*' seminar.

6. Usaha-usaha juga ditumpu bagi mempromosikan eko-pelancongan yang sebahagian besarnya terletak di luar bandar seperti Hutan Belum, Taman Negara Pahang, Endau-Rompin, Gunung Ledang, Sepilok, Lembah Danum, Tabin Wildlife Reserve dan banyak lagi.

Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan meningkatkan lagi usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari semasa ke semasa bagi memastikan Malaysia menjadi destinasi pelancongan yang popular di kalangan pelancong asing termasuklah di kawasan luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]**

**TARIKH : 19 OGOS 2008**

**SOALAN :**

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah beliau bercadang memansuhkan jawatan penasihat wanita dan penasihat agama di Jabatan Perdana Menteri memandangkan jawatan tersebut hanya membazir.**

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jawatan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri berhubung Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial serta Penasihat Agama Islam kepada Perdana Menteri telah diwujudkan atas keperluan-keperluan tertentu dan mempunyai skop kerja masing-masing yang tertentu.

Umpamanya, Penasihat Agama Islam kepada Perdana Menteri, secara amnya, mempunyai peranan untuk memberi pandangan dan nasihat kepada YAB Perdana Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan perkembangan agama Islam di negara ini. Manakala, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri berhubung Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial telah diberi peranan khusus untuk memberi perhatian kepada isu-isu yang membabitkan wanita dan keluarga Islam serta menentukan dasar untuk menangani isu-isu tersebut. Beliau juga adalah penasihat kepada Sekretariat Advokasi dan Pemerkasaan Wanita Islam yang ditubuhkan, antara lain, untuk tujuan advokasi dan maklum balas tentang undang-undang Keluarga Islam di seluruh negara. Ini dianggap penting dalam usaha untuk membela nasib kaum wanita, keluarga dan kanak-kanak Islam.

Dengan itu, penubuhan jawatan-jawatan tersebut harus dilihat dalam konteks dan tujuan yang sebenar, iaitu mencerminkan betapa pentingnya Kerajaan menganggap isu pemerksaan wanita Islam dan pembangunan masyarakat Islam di negara ini. Ia tidak harus dianggap sebagai satu pembaziran, malah satu pelaburan yang dapat membantu memastikan dasar dan pelaksanaan yang mantap, yang akhirnya akan mendatangkan manfaat kepada rakyat juga.

Oleh itu, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan jawatan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri berhubung Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial serta Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
(LENGGONG)**

**TARIKH : 19.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [ LENGGONG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi mengelakkan guru-guru menjalankan kerja-kerja perkeranian, bolehkah pihak Kementerian menambahkan kakitangan perkeranian di sekolah-sekolah bagi membolehkan guru-guru memberikan tumpuan kepada tugas pengajaran dan pembelajaran yang sepatutnya ditumpukan di sekolah-sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan para guru terutamanya dalam usaha mengurangkan beban tugas guru-guru di sekolah. KPM telah mengkaji dan mencadangkan penambahbaikan norma perjawatan anggota Kumpulan Sokongan di sekolah yang terdiri daripada Pembantu Tadbir (Pengkeranian), Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Pengurusan Murid, Juruteknik, Juruteknik Komputer, Pembantu Am Pejabat, Penyelia Asrama dan Pembantu Makmal.

Hasil daripada usaha ini, sebanyak 5,521 jawatan bukan guru telah diluluskan bagi tahun 2008 dan 7,738 jawatan telah diluluskan bagi tahun 2009.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**(RASAH)**  
**TARIKH : 19.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [ RASAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rasional Kementerian melarang wakil Lembaga Pengarah Sekolah daripada menjadi salah seorang penandatangan atau "signatory" cek Akaun Kumpulan Wang Kerajaan dan Akaun Kumpulan Wang SUWA di semua SJKC dan SMJK dan sama ada Kementerian akan menarik balik arahan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Akaun Kumpulan Wang Kerajaan dan Akaun Kumpulan Wang SUWA merupakan **Akaun Kerajaan** dan adalah tertakluk kepada tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan kumpulan wang sekolah seperti yang telah ditetapkan dalam **Arahan Perbendaharaan**. Memandangkan segala urusan mengenai kewangan sekolah adalah di bawah tanggungjawab pengurusan sekolah yang berkenaan maka penandatangan bagi kedua-dua akaun tersebut mesti terdiri daripada pihak pentadbiran sekolah tersebut. Oleh itu, KPM tidak bercadang untuk menarik balik arahan tersebut sebaliknya bagi SJKC dan SMJK, KPM sedang mengemaskini panduan pengurusan akaun kewangan sekolah-sekolah berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE  
(SETIU)**

**TARIKH : 19 OGOS 2008 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan berapakah bilangan penghidap penyakit *Down Sindrom*  
dan bagaimana langkah Kerajaan membantu pesakit-pesakit ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan kepada pelbagai kumpulan sasaran termasuklah Orang Kurang Upaya (OKU). OKU diklasifikasikan kepada enam (6) kategori iaitu :

- a) Kurang Upaya Pendengaran;
- b) Kurang Upaya Penglihatan;
- c) Kurang Upaya Fizikal ;
- d) Cerebral Palsy;
- e) Masalah Pembelajaran; dan
- f) Lain-lain

OKU Sindrown Down diklasifikasikan di bawah kategori masalah pembelajaran. Sehingga bulan Mei 2008, bilangan OKU kategori

masalah pembelajaran yang berdaftar dengan JKM adalah seramai 89,561 orang yang merangkumi:

- i) Lewat Perkembangan (*Global Developmental Delay*);
- ii) Sindrom Down;
- iii) Autisme;
- iv) *Attention Deficit Hyperactive Disorder*;
- v) Terencat Akal (*Mental Retardation*); dan
- vi) Masalah pembelajaran spesifik seperti dyslexia, dysgraphia, dyscalculia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM melalui JKM menyediakan pelbagai perkhidmatan dan program bagi membantu OKU masalah pembelajaran termasuk sindrom down seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan jagaan, pemulihan dan latihan institusi kebajikan;
- (ii) Penempatan pekerjaan di Bengkel Terlindung;

- (iii) Program *Independent Living* dan *Disability Equality Training (DET)* bagi memperkasa OKU supaya mereka dapat menikmati peluang yang sama serta hidup berdikari dalam masyarakat;
- (iv) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk pencegahan, intervensi awal, pemulihan, pendidikan, latihan dan pembangunan OKU di dalam komuniti;
- (v) "Pemulihan Dalam Komuniti Network (PDKNet)" telah diperkenalkan sebagai program perintis untuk pemulihan dan pembelajaran OKU melalui Multimedia;
- (v) Pemberian Elaun Khas OKU sebanyak RM150.00 sebulan bagi memudahkan OKU menghadiri Program Pemulihan Dalam Komuniti;
- (vi) Pemberian Elaun Khas bagi OKU yang menghadiri sekolah khas di bawah Pertubuhan Sukarela Kebajikan;  
dan
- (vii) Pemberian Geran Pelancaran dengan kadar RM2,700 bagi membantu OKU memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Di samping itu, Kementerian melalui JKM turut memberikan bantuan geran tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menyokong usaha kerajaan melaksanakan pelbagai program jagaan, pemulihan, latihan dan pendidikan bagi golongan OKU termasuk OKU Sindrom Down. Bagi tahun 2007 sebanyak RM21,908,661 telah diperuntukkan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan manakala bagi tahun 2008, sejumlah RM15,579,380 diperuntukkan kepada program yang serupa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]**

Tarikh : **SELASA, 19 OGOS 2008**

**SOALAN**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk menyiarkan sidang Parlimen melalui rangkaian bayar (Pay Channel) selepas tamat 30 minit penyiaran percumanya. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Ipoh Barat atas soalan yang dikemukakan. Siaran Langsung Sidang Parlimen merupakan hak eksklusif RTM dan Kementerian Penerangan sehingga kini belum berhasrat untuk memanjangkan penyiarannya kepada stesen-stesen lain, termasuk stesen berbayar.

Disediakan oleh:

**Jamil Hashim**  
**Ketua Unit Dokumentasi RTM**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH**  
**(PUTATAN)**  
**TARIKH : 19.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian pernah memberikan sebarang peruntukan kepada SRJK(C) Hwa Shiong, Putatan, jika ada berapa dan bila dan kalau tiada, mengapa.; dan
- (b) berapakah dan dimana peruntukan yang pernah disalurkan oleh pihak Kementerian kepada SRJK (C) dan sekolah Mission di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang ada menyalurkan peruntukan kepada SJKC Hwa Shiong, Putatan, Sabah. Pada tahun 2008 sahaja, di bawah peruntukan pembangunan, KPM telah memperuntukan sebanyak RM 50,000 kepada sekolah tersebut bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan bangunan sekolah dan kemudahan sedia ada;
- (b) Di bawah RMKe-9, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada semua sekolah bantuan kerajaan termasuklah sekolah mubaligh (*mission school*). Peruntukan tersebut

bertujuan membantu sekolah jenis kebangsaan dan sekolah mubaligh di bawah bantuan modal untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih bangunan sekolah. Walau bagaimanapun pihak KPM tidak menetapkan jumlah pecahan peruntukan mengikut aliran sekolah tertentu tetapi berasaskan kepada keutamaan, terutama bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)**  
**TARIKH** : **19 OGOS 2008**  
**SOALAN** : **PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah maklumat mendalam projek RMKe-9, kosnya, statusnya akan dibekalkan kepada ahli Parlimen kawasan tersebut dan nyatakan mengapakah Badan Bertindak Pelaksanaan Negara tidak melibatkan ahli Parlimen bagi memantau perkembangan projek kawasan wakil rakyat tersebut.

**JAWAPAN** : **Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang di-Pertua;

Ahli-ahli Parlimen, malah setiap rakyat Malaysia, dapat mengetahui tentang senarai projek RMK-9 terkini mengikut kawasan Parlimen masing-masing dengan mengakses laman web Portal I Cerve U di alamat seperti berikut:

<http://www.icerveu.gov.my>.

Buat masa ini Badan Bertindak Pelaksanaan Negara menggunakan jentera pemantauan pelaksanaan sedia ada di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan

Perdana Menteri (ICU JPM) untuk memantau projek-projek khususnya melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPP II). Selain dari itu pemantauan projek-projek juga dibuat oleh kementerian masing-masing. Buat masa ini, Badan Bertindak Pelaksanaan Negara memang tidak melibatkan Ahli Parlimen bagi memantau perkembangan projek bagi kawasan masing-masing. Namun demikian, pihak kerajaan memang mengalukan sebarang laporan pemantauan projek yang ingin dibuat oleh Y.B. Ahli-ahli Parlimen bagi projek di kawasan masing-masing.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 19.08.2008**

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah dalam Ringgit Malaysia yang telah dijimatkan selepas penstrukturan semula sistem subsidi ke atas segala harga barangan dan perkhidmatan di seluruh negara. Sila jelaskan bagaimana wang ini telah digunakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan bagi tahun 2007 adalah RM8.8 bilion. Sekiranya harga petrol dan diesel masing-masing dikekalkan pada kadar RM1.92 seliter dan RM1.58 seliter, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM28 bilion setahun iaitu melebihi 3 kali ganda berbanding tahun 2007. Anggaran dibuat berdasarkan harga purata produk petrol, diesel dan LPG bagi bulan Mei 2008 yang pada masa itu bersamaan dengan harga purata *crude* WTI USD125 setong. Amaun ini adalah tidak termasuk anggaran kehilangan hasil Kerajaan sebanyak RM7.8 bilion.

Pada 5 Jun 2008, Kerajaan telah menstrukturkan semula subsidi minyak dengan menaikkan harga minyak di pam sebagai langkah membendung aktiviti penyelewengan dan penyeludupan serta mengurangkan subsidi minyak. Pada masa yang sama, Kerajaan telah melaksanakan langkah seperti pemberian rebat tunai serta menambah fleetcard diesel untuk mengurangkan impak kenaikan harga pam ke atas golongan sasaran.

Dianggarkan kenaikan harga minyak ini akan dapat mengurangkan tanggungan subsidi minyak Kerajaan. Tanggungan subsidi minyak diesel tidak banyak berubah memandangkan sektor pengangkutan awam dan syarikat pengangkutan masih menikmati pembelian diesel pada harga RM1.43 se liter, di mana ia meliputi hampir keseluruhan permintaan diesel di stesen minyak. Pengurangan tanggungan subsidi petrol adalah sebanyak RM8.6 bilion. Daripada jumlah ini, RM6.6 bilion telah disalurkan melalui pemberian rebat tunai, bantuan kepada nelayan, bot penumpang dan pengurangan cukai jalan. Pengurangan subsidi bersih daripada langkah penstrukturkan semula sistem subsidi adalah sebanyak RM2 bilion. Walau bagaimanapun, perbelanjaan bagi peluasan jaringan keselamatan sosial dan pengukuhan jaminan makanan, seperti subsidi padi dan stok penimbal beras melebihi RM2 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**SOALAN: 28**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 19 OGOS 2008**

**RUJUKAN : 1257**

**SOALAN: 28**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai 125 cadangan Suruhanjaya Polis Diraja yang belum dilaksanakan, sama ada mereka itu telah ditolak dan berikan sebab bagi penolakan setiap satunya, khasnya mengenai cadangan penubuhan IPCMC.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. Tuan Lim Kit Siang, yang mengemukakan pertanyaan.

Daripada 125 cadangan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM, setakat ini hanya dua cadangan yang ditolak oleh Kerajaan iaitu:-

- i) Bab 6 Cadangan Tujuh – Peralihan daripada paradigma “pasukan” kepada paradigma “perkhidmatan”.

PDRM telah mengekalkan paradigma “pasukan” kerana berpandangan bahawa ia boleh membawa serta menggambarkan PDRM sebagai melaksanakan kerja dan tugas secara berpasukan dan berdisiplin; dan

- ii) Bab 9 Cadangan Tujuh - Pindaan terhadap Undang-Undang, Peraturan dan Prosedur Kerja.

Pindaan terhadap undang-undang, peraturan dan prosedur kerja. Pindaan terhadap seksyen 21(3) dan 21(4) dalam

Akta Pencegahan Rasuah 1997 di mana Suruhanjaya Diraja mencadangkan pindaan seksyen 21(3) bagi memperjelaskan siasatan proaktif oleh Badan Pencegah Rasuah dan pindaan seksyen 21(4) bagi memudahkan siasatan oleh Bahagian Tatatertib, PDRM dalam kes-kes yang melibatkan anggota PDRM. Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa peruntukkan yang sedia ada adalah mencukupi dan pindaan-pindaan adalah tidak perlu.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Kerajaan pada asalnya telah bersetuju menubuhkan Suruhanjaya Aduan Khas 2007 (*Special Complaint Commission*) sebagai alternatif kepada IPCMC. Walau bagaimanapun setelah mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak, kerajaan telah memutuskan untuk menarik semula Rang Undang-Undang yang telah dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007 untuk disemak dengan lebih terperinci.

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI HAJI SAMSURI  
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 19 OGOS 2008 (SELASA)**

**SOALAN : TUAN MOHSIN FADZLI HAJI SAMSURI  
(BAGAN SERAI) minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

Mengapa barangan racun dan baja tidak dimasukkan ke dalam senarai harga barang kawalan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Peningkatan harga input pertanian seperti baja dan racun adalah disebabkan oleh kenaikan harga petroleum yang mana kebanyakan baja adalah berasaskan petroleum. Peningkatan harga input pertanian telah menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Dalam tempoh 2003 hingga 2007, kos bagi baja sebatian untuk pengeluaran sehektar telah meningkat naik sebanyak 85.5% iaitu daripada RM868/tm kepada RM1,610/tm.

Setakat ini kerajaan **tidak melaksanakan kawalan harga** ke atas input pertanian seperti baja, racun perosak dan benih kerana penentuan harga input pertanian adalah bergantung kepada faktor-faktor luar seperti pengeluar, pengimport dan bahan mentah bagi penyediaan input tersebut terutamanya petroleum. Kawalan harga input pertanian dan penentuannya sebagai barang kawalan juga bukan terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun begitu, pengeluar, pengimport dan pembekal masih lagi tertakluk kepada beberapa akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga 1980, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KDPN & HEP).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

NO. SOALAN : 2630  
PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM ( SEPUTEH )  
TARIKH : 19.8.2008

**SOALAN:**

Puan Teresa Kok Suh Sim ( Seputeh ) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perangkaan pertumbuhan pembangunan perindustrian HALAL di setiap negeri. Apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah banyak halal hub yang telah dibeli oleh syarikat-syarikat tertentu tetapi tidak dibangunkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Industri Halal di Malaysia merangkumi industri berasaskan makanan dan bukan makanan seperti kosmetik dan hiasan diri, farmaseutikal, ramuan halal, ternakan dan logistik. Ianya terbahagi kepada:

1. Penarikan Pelabur Asing
2. Pembangunan IKS Halal

Dari segi penarikan pelabur asing, setakat ini, HDC masih berbincang dengan 5 pelabur asing untuk melabur di Taman Halal seperti Zon Halal Perdana di PKFZ dan di Selangor Halal Hub di Pulau Indah. Sementara itu,

10 syarikat dari Taiwan telah menunjuk minat untuk melabur di Taman Halal Tanjung Manis di Sarawak dalam industri akuakultur. HDC juga sedang membantu syarikat Prima Agri Food Complex yang akan membina Prima Agri Halal Food Park di Gambang Pahang di mana sebanyak 68 IKS dalam bidang makanan akan mengambil peluang menceburi bidang pemprosesan makanan untuk eksport di pasaran antarabangsa. Taman Halal di Padang Besar Perlis diberi tumpuan kerana berhampiran dengan sempadan Thailand untuk mendapat bahan mentah seperti ayam dan daging halal untuk diproses di Taman Halal Padang Besar.

Taman Halal di bawah peruntukan RMK9 yang diselaraskan oleh MECD termasuk Taman Halal di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis dan Kedah. Sementara itu, Labuan Halal

1. Distribution Centre dibangunkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.
2. Pembangunan IKS Halal tertumpu kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk eksport barangan mereka di pasaran antarabangsa. Setakat ini, sebanyak 484 IKS telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan HDC sedang merangka program *GLOBALHALALREACH* untuk membantu lebih banyak IKS Halal menembusi pasaran di China, Timur Tengah dan negara ASEAN

Di samping itu, HDC juga bekerjasama dengan bank bank tempatan seperti CIMB Islamic, SME Bank dan Bank Islam untuk memberi nasihat tentang pengurusan kewangan dan pinjaman kepada IKS Halal

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HJ. ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 19 OGOS 2008

**SOALAN :**

**Dato' Seri Hj. Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan yang diperolehi oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap dakwaan penyelewengan didalam projek-projek berprofil tinggi seperti Kejohanan Kapal Layar Piala Monsoon dan Taman Tamadun Islam sebagaimana yang dibangkitkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Terengganu baru-baru ini.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap dakwaan penyelewengan Kejohanan Kapal Layar Piala Monsoon dan Taman Tamadun Islam masih lagi dijalankan. Namun begitu sebagaimana Y.B. Marang sedia maklum, Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 menyatakan:

*“Sesuai aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu.”*

Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain dari pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 32**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Tuan Haji Ahmad bin Kassim  
(Kuala Kedah)**

**TARIKH** : **19 OGOS 2008 (SELASA)**

**SOALAN** :

Tuan Haji Ahmad bin Kassim (Kuala Kedah) minta minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan Kanun Tanah Negara di bawah seksyen 115 bagi menyelesaikan masalah tanah sawah yang terbiar dalam kemelut isu industri beras negara kini.

**JAWAPAN :**

Sebagai makluman Ahli YB, keluasan tanah-tanah sawah yang terbiar adalah milik individu atau perseorangan dan tanah-tanah seumpama ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 115 Kanun Tanah Negara yang menetapkan bahawa tanah tersebut hendaklah diusahakan bagi aktiviti pertanian sahaja dan tidak boleh ditukar syarat kecuali dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Walaupun bagaimanapun Kementerian melalui forum-forum tertentu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sentiasa menggesa pihaknya supaya memberikan keutamaan kepada tanah-tanah pertanian dapat dikekalkan atau ditambah bagi meningkatkan pengeluaran makanan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

NO. SOALAN : ~~34~~ 33  
PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)  
TARIKH : 19.8.2008

**SOALAN:**

Dato' Seri Ong Ka Ting ( Kulai ) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan dan tindakan Kerajaan untuk memastikan mualaf yang ingin mewasiatkan hartanya kepada ahli keluarga yang bukan beragama Islam adalah dibenarkan dan dipermudahkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui JAKIM akan membincangkan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai kaedah yang mudah bagi memberikan harta mualaf kepada ahli keluarganya yang bukan beragama Islam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA)

TARIKH : 19 OGOS 2008

SOALAN :

TUAN TONY PUA KIAM WEE MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN HASIL KAJIAN PAKAR PERUNDING MENGENAI PERJANJIAN KERAJAAN DENGAN PIHAK KONSESI TOL, TERUTAMANYA PIHAK YANG TELAH MENDAPAT KEUNTUNGAN LUMAYAN ATAUPUN YANG TELAH MENDAPAT KEMBALI KOS PEMBINAAN. ADAKAH

PIHAK KONSESI AKAN DIKEHENDAKI MENGURANGKAN  
TOL TANPA MEMERLUKAN TAMBAHAN WANG GANTI  
RUGI DARIPADA KERAJAAN.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**AHLI YANG BERHORMAT DARI PETALING JAYA TELAH MEMBANGKITKAN SOALAN MENGENAI KAJIAN KADAR TOL YANG SEDANG DIJALANKAN OLEH JAWATANKUASA KAJIAN KADAR TOL MELALUI JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG TELAH DILANTIK.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, PADA MASA INI, JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG DILANTIK SEDANG DI DALAM PERINGKAT AKHIR KAJIAN. HASIL DARIPADA KAJIAN TERSEBUT AKAN DIBINCANGKAN DI DALAM MESYUARAT JEMAAH MENTERI UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
TARIKH : 19 Ogos 2008  
SOALAN

**Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejak bila kriteria "able to walk with walking stick and carry out activities of daily living" telah diguna oleh jemaah doktor PERKESO untuk menolak permohonan seorang pekerja yang buta huruf dan hanya tahu membuat kerja kasar sejak 30 tahun dahulu. Bolehkah kes En. Salleh bin Ibrahim dibuka semula?

PR-1213-L16379

**Jawapan :**

Yang Yang Pertua,

Dalam memutuskan persoalan keilangan, Jemaah Doktor PERKESO akan melihat semua aspek berkaitan keadaan hilang upaya yang merujuk kepada Seksyen 16(2)( C ), Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Seksyen ini menggariskan bahawa seseorang itu mengalami keilangan apabila langkah-langkah pemulihan tenaga dan kemahiran kerja (vokasional) tidak mampu untuk membolehkan beliau bekerja semula.

Pernyataan "*able to walk with walking stick and carry out activities of daily living*" adalah pandangan Jemaah Doktor Rayuan PERKESO semasa menilai keadaan dan keupayaan Orang Berinsurans (En.Salleh bin Ibrahim). Jemaah Doktor berpendapat Orang Berinsurans tersebut masih boleh dipulihkan dan mampu untuk bekerja semula.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung persoalan sama ada kesnya boleh dibuka semula, En. Salleh bin Ibrahim masih boleh mengemukakan permohonan baru ilat dengan mengemukakan laporan perubatan terkini, selagi beliau belum mencapai usia 55 tahun seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 46, Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.